

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN  
BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**NO. SOALAN : 183**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan perkembangan rancangan Kementerian dalam mewujudkan aktiviti ekonomi tambah nilai seperti penghasilan baja bio-organik, pembuatan Laminated Veneer Lumber berdasarkan sawit, penghasilan makanan ternakan berdasarkan sawit, industry herbal, eco pelancongan, agro pelancongan, inap desa, pertanian organik di kawasan luar bandar selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) dengan sasaran meningkatkan pendapatan masyarakat desa dalam tempoh 10 tahun lagi.

## JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, fokus kepada pembangunan ekonomi menjadi agenda utama kementerian di bawah Program Transformasi Luar Bandar (TLB). Program TLB ini juga adalah seiring dengan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar 2011-2020.

Dua (2) strategi utama telah digariskan di bawah fokus ini bagi meningkatkan pendapatan Golongan B40 Luar Bandar seperti mewujudkan Model Baharu Berpendapatan Tinggi dan Mewujudkan Peluang Pekerjaan.

Sepertimana pertanyaan Yang Berhormat, penghasilan baja bio-organik, pembuatan *Laminated Veneer Lumber* dan penghasilan makanan ternakan berasaskan sawit masih di peringkat kajian kementerian.

Manakala, bagi industri herba, program eko dan agro pelancongan serta inap desa, kementerian telah

230  
memperkenalkan program Desa Lestari, *Rural Business Challenge* (RBC) Agropolitan dan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK).

Sebanyak 105 buah kampung telah menyertai program Desa Lestari, 132 peserta RBC telah berjaya memenangi Geran Perniagaan dan 16 buah projek Agropolitan dan PROSPEK telah dilaksanakan oleh kementerian sehingga berakhir 31 Disember 2017.

Program Desa Lestari telah berjaya meningkatkan pendapatan penduduk di luar bandar yang menyertai koperasi di kampung tersebut. Pendapatan koperasi juga telah meningkat di antara 30% sehingga 150% selepas tiga tahun pelaksanaan program ini.

Selain itu, di bawah Program RBC, 80% daripada keseluruhan pemenang program tersebut telah memperoleh peningkatan pendapatan melebihi 25% selepas dua tahun geran diberikan.

Di samping itu, banyak peluang pekerjaan telah diwujudkan melalui program Agropolitan dan PROSPEK. Projek ini juga menyumbang kepada limpahan ekonomi kepada penduduk luar bandar di kawasan berdekatan projek tersebut.

232  
232  
**SOALAN ( 184 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**SOALAN :**

**YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kementerian memberikan tumpuan kepada dua fokus utama persidangan *United Nations Conference on Sustainable Development (UNCSD)* juga dikenali sebagai *Rio+20* atau *Earth Summit 2012* iaitu berkaitan *green economy in the context of sustainable development poverty eradication* dan *Institutional framework for sustainable development*.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan seimbang di antara pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan penjagaan alam sekitar sentiasa menjadi agenda utama pembangunan Malaysia. Penggubalan pelbagai dasar, akta dan garis panduan berkaitan pengurusan alam sekitar dan sumber asli seperti Dasar Kepelbagaian Biologi (2016-2025), Dasar Alam Sekitar (2002), Akta Alam Sekitar (1974) dan Akta Perhutanan (1984) mencerminkan komitmen negara untuk memastikan sumber aset semula jadi negara yang dimiliki ini dimanfaatkan secara cekap oleh generasi masa kini dan turut dinikmati oleh generasi akan datang.

Pertumbuhan hijau dalam konteks pembangunan mampan dan pembasmian kemiskinan merupakan salah satu daripada tema Persidangan *Rio+20* pada tahun 2012. Isu yang dibincang di bawah tema ini adalah selari dengan agenda pembangunan negara yang sentiasa memberi penekanan kepada aspek pembasmian kemiskinan, peningkatan kesejahteraan rakyat dan penjagaan alam sekitar. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11), 2016-2020, menggariskan dua teras strategi yang setiap satunya saling berkait antara satu sama

lain bertujuan memenuhi pelbagai keperluan rakyat dan negara secara menyeluruh merangkumi:

1. inklusiviti untuk memastikan semua rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi; dan
2. pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampunan dan daya tahan.

Di bawah Teras Strategik Memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama, ia dilaksanakan melalui lima (5) bidang fokus utama seperti berikut:

- i. Bidang fokus A: Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah
- ii. Bidang fokus B: Memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera
- iii. Bidang fokus C: Mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat;
- iv. Bidang fokus D: Mempercepat pertumbuhan wilayah ke arah keseimbangan geografi yang lebih baik;
- v. Bidang fokus E: Memperkuuh peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk meningkatkan pemilikan kekayaan.

Manakala di bawah Teras Strategik Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan, Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada empat (4) bidang utama seperti berikut:

- i. Bidang fokus A: Memperkuuh persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau;
- ii. Bidang fokus B: Mengguna pakai konsep penggunaan dan pengeluaran mampan;
- iii. Bidang fokus C: Pemuliharaan sumber asli untuk generasi masa kini dan masa hadapan; dan
- iv. Bidang fokus D: Memperkuuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam.

Tema kedua Persidangan *Rio+20* adalah mengenai penambahbaikan terhadap kerangka institusi bagi pembangunan mampan untuk menggantikan *Commission on Sustainable Development*, sebuah institusi yang terhasil daripada Sidang Kemuncak Bumi (1992). Persidangan *Rio+20* telah menghasilkan *High Level Political Forum (HLPF) on Sustainable Development* untuk memuktamadkan, antara lainnya, dokumen *2030 Agenda on Sustainable Development* atau lebih dikenali sebagai *Agenda 2030* atau *Sustainable Development Goals (SDG)*.

YAB Perdana Menteri semasa Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pembangunan Mampan (*United Nations Sustainable Development Summit*) pada 25 September 2015 telah menyatakan komitmen Malaysia untuk menyokong dan melaksanakan SDG di peringkat kebangsaan. Sejajar dengan penubuhan HLPF dan komitmen untuk melaksanakan SDG, Malaysia telah menubuhkan Majlis SDG Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Majlis SDG berperanan untuk menetapkan hala tuju pelaksanaan SDG, menetapkan agenda negara dan tonggak utama serta menyediakan laporan kepada HLPF. Majlis SDG disokong oleh Jawatankuasa Pemandu SDG Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Jawatankuasa Pemandu berfungsi untuk merumuskan Pelan Hala Tuju SDG, memantau kemajuan sasaran, mengenal pasti isu dan melaporkan kepada Majlis SDG Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018